

06 SEP 2003

Mahathir-Penuntut (Bergambar)

PERDANA MENTERI MINTA MAHASISWA JANGAN BAZIRKAN WANG NEGARA

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penuntut universiti yang tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran kerana sibuk berpolitik, hanya membazirkan wang negara yang sepatutnya boleh dibelanjakan untuk pembangunan penduduk kampung dan masyarakat luar bandar.

Perdana Menteri berkata mereka boleh terlibat dalam politik asalkan ia hanya menyentuh politik dalaman universiti dan tidak seharusnya membiarkan diri mereka diracuni oleh politik kebencian yang dibawa sesetengah parti pembangkang.

"Kita dapati ada penuntut yang lebih utamakan politik di luar. Mereka tak belajar. Bila ada kempen (politik), mereka keluar berkempen, mereka sanggup cakap bohong, menipu, memfitnah. Ini amat mendukacitakan.

"Kerajaan telah adakan pelbagai kemudahan untuk mereka tapi ada pihak yang mengajar mereka supaya jangan berterimakasih, jangan bersyukur. Ini adalah satu ajaran cukup buruk yang akan menyebabkan masyarakat menjadi kucar-kacir," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan beberapa anggota panel penasihat antarabangsa Koridor Raya Multimedia di sini.

Dr Mahathir mengulas laporan akhbar berhubung penguasaan calon-calon pro-kerajaan di 15 daripada 17 institusi pengajian tinggi awam pada pilihan raya kampus 2003/2004.

Menyedari pentingnya pendidikan untuk kemajuan negara, beliau berkata kerajaan rela memperuntukkan perbelanjaan terbanyak untuk sektor itu dan sebahagian besar daripadanya ialah untuk membiayai universiti dan IPTA.

"Subsidi kerajaan amat besar sekali. Jadi kalau mereka tidak menumpukan perhatian kepada pelajaran, maka mereka hanya membazirkan wang negara. Kita tak harus membazirkan wang negara yang susah payah dikutip dari orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata setelah menguasai ilmu dan menyara hidup sendiri, di waktu itu kos penglibatan mereka dalam politik barulah ditanggung oleh mereka sendiri.

"Sekarang mereka melibatkan diri dengan politik tetapi kosnya ditanggung oleh orang lain," katanya secara sinis.

Perdana Menteri berkata sebab itulah beliau bersyukur kalau penuntut universiti sedar akan tanggungjawab mereka untuk menguasai ilmu pengetahuan.

Ditanya tentang tindakan melabel penuntut universiti sebagai pro-kerajaan atau pro-pembangkang, Dr Mahathir menganggap penuntut pro-kerajaan sebagai golongan bertanggungjawab yang tidak mahu diganggu dalam pembelajaran mereka di kampus.

Pelajar yang dikatakan anti-kerajaan pula bersifat sedemikian selepas dihasut oleh parti politik tertentu.

Dr Mahathir bagaimanapun menyatakan kemusykilan kenapa sesetengah pelajar begitu benci kepada kerajaan.

"Apa kesalahan yang kerajaan buat kepada mereka? Kita bagi biasiswa, kita bagi universiti, kita bantu, yang miskin kita bagi pinjam duit. Kita buat semua untuk mereka. Tak ada sebab kenapa mereka mesti tentang kerajaan," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Perdana Menteri berkata jika rakyat tidak diganggu oleh pihak yang sanggup melemparkan fitnah dan berbohong, mereka semua akan menyokong kerajaan.

Secara umumnya, kata beliau, rakyat Malaysia menyokong kerajaan kerana mereka bertuah untuk hidup dalam sebuah negara yang aman dan makmur berkat usaha kerajaan.

Dr Mahathir turut mengulas laporan yang menyebut pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sains dan Matematik peringkat sekolah yang diajar dalam bahasa Inggeris didapati melonjak sejak dasar itu diperkenalkan awal tahun ini.

Menurutnya, ini sesuatu yang dijangkakan kerana dasar itu menjurus kepada peningkatan kapasiti seseorang penuntut untuk menyerap ilmu pengetahuan.

"Saya rasa ia semulajadi kerana jika kita terus menerus menterjemah, berfikir dalam dua bahasa, maka kita akan dapati kemampuan kita untuk menyerap ilmu kurang sedikit," katanya.

Beliau berkata mempelajari kedua-dua subjek dalam bahasa Inggeris juga mengurangkan banyak kekeliruan, sambil memberikan contoh perkataan Inggeris "potassium" yang diterjemah "kalium" dalam Bahasa Malaysia.

"Apa yang kita mahu ialah untuk menyerap ilmu pengetahuan tetapi jika kita terus perlu menterjemah maklumat, maka proses itu menjadi lambat. Jadi saya tidak terkejut langsung yang pencapaian mereka lebih baik," katanya.

Semasa ditanya sama ada kerajaan akan meneruskan secara keseluruhannya mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, Dr Mahathir berkata: "Ya. Kita mahu setiap orang mempunyai pengetahuan Sains dan Matematik kerana jika mereka mahu menjadi seorang pelukis sekalipun contohnya, ada ketikanya mereka perlu melakukan sesuatu mengenai bagaimana untuk menggunakan komputer," katanya.

Beliau berkata pengetahuan mengenai kedua-dua subjek adalah amat penting bagi sebuah masyarakat yang mahu melakukan kemajuan.

Mengenai mesyuarat satu sama satu dengan anggota panel MSC, Dr Mahathir berkata ia amat berguna kerana pelbagai idea telah dibangkitkan untuk memajukan lagi projek itu yang melibatkan pembangunan pusat seluas 750 km persegi itu bagi produk dan perkhidmatan multimedia.

"Ada yang mencadangkan supaya diadakan universiti khusus untuk teknologi maklumat, latihan kepimpinan dan kemungkinan ada kerjasama secara langsung dengan syarikat tertentu," katanya.

Antara mereka yang mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri ialah pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Silicon Graphics Inc Bob Bishop, pengarah urusan Cutler&Company Dr Terry Cutler, ketua pegawai teknikal Microsoft Craig Mundie dan ketua penyelidik dan pengarah sains Sun Microsystems Dr John Gage.

Mereka berada di sini menghadiri mesyuarat ke tujuh panel penasihat MSC yang baru berakhir.

-- BERNAMA

MAM RON